

Penyelidikan Sociolinguistik: Prinsip, Teknik dan Pengalaman

Sociolinguistics Research: Principles, Technics and Experiences

CHONG SHIN

ABSTRAK

Dalam bidang linguistik, terdapat dua bentuk penyelidikan, iaitu penyelidikan yang berbentuk armchair dan penyelidikan lapangan. Lazimnya, penyelidikan berbentuk armchair lebih popular mungkin kerana faktor keselesaan. Kaedah armchair, yang hanya mengulas/mengkritik sumber sekunder sedia ada dan disusuli dengan ulasan intuisi pengkaji wajar dihindari kerana membatasi sumbangan input baru kepada ilmu. Penyelidikan di lapangan sesungguhnya amat sukar dan mencabar, namun merupakan tunjang penyumbang ilmu baru. Kertas ini membincangkan prinsip, teknik dalam penyelidikan sociolinguistik dan disertakan dengan perkongsian pengalaman penulis. Perbincangan ini bermula dengan menyoroti dua prinsip dalam penyelidikan, iaitu Prinsip Empirikal dan Prinsip Induktif. Pada masa yang sama, penyelidikan kualitatif di awal era ilmu linguistik moden juga disoroti. Di akhir perbincangan, dua contoh kajian sociolinguistik penulis akan dibincangkan, iaitu (1) kajian pemilihan bahasa suku Tionghoa di Sekadau, Indonesia, dan (2) kajian Penan Muslim di Niah, Sarawak. Diharapkan melalui perkongsian pengalaman ini, para pelajar yang bakal menulis kertas ilmiah atau tesis boleh memperoleh manfaat daripadanya.

Kata Kunci: Kajian lapangan; empirikal; induktif

ABSTRACT

There are two forms of research in linguistics study, namely the armchair and fieldwork research. Normally, the armchair method seems preferred by researchers probably due to its "comfort-ness". The armchair method, which focusing on comments or criticizing secondary sources and ended up with conclusions based on personal intuition opinions, should be avoided since its contributions to new knowledge is very limited. Field research, on the other hand is a challenging and tough task however can yield massive contributions to new knowledge if compare to the armchair research. This paper discusses the principles and techniques of sociolinguistics research, which followed by the description of the author's field experiences in Sarawak and Western Kalimantan. The discussion begins with highlighting the empirical and inductive principles of an academic research. Apart from this, this paper also highlighted the brief history of qualitative research that practiced by scholars in the initial era of modern linguistics. At the end of the discussion, the author provided two examples of sociolinguistic study on the: (1) study on the language choice among the Chinese in Sekadau (Western Kalimantan), Indonesia, and (2) study of the Muslim Penans in Niah, Sarawak. Finally, it is hope that this paper can share useful field experiences for students and researchers as well as contribute some knowledge to scientific research.

Keyword: Field research; empirical; inductive

PENGENALAN

Hujah "linguistik adalah suatu sains mengkaji bahasa (Abdullah Hassan 1984)" bukanlah suatu yang asing bagi kita yang menekuni bidang linguistik. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Collins (2002), "Ilmu linguistik yang sebenarnya merupakan usaha deskriptif yang bermaksud menjelaskan bahasa sebagaimana bahasa itu dituturkan dalam pelbagai lingkungan sosial...pada hakikatnya, tugas ahli linguistik semata-mata deskripsi dan penjelasan yang berdasarkan fakta dan data yang nyata dan

tabii". Kenyataan ini bermaksud bahawa bahasa-bahasa yang ada di sekeliling kita bukan bersifat preskriptif dengan aturan rumus yang statik. Bahasa jika berada di ruang sosial-masyarakat sering terdedah pada perubahan yang baik perubahan fonologi, semantik, kelas kata dan sebagainya. Antara faktor yang mempengaruhinya ialah umur, jantina, domain, peringkat sosial, peredaran masa dan sebagainya. Sebagai seorang linguist, adalah menjadi tugas utama kita menghuraikan fenomena ini dengan kaedah penyelidikan lapangan yang sistematik dan mantap. Untuk mencapai tujuan

tersebut, kaedah penyelidikan berbentuk *armchair* gagal memenuhi tuntutan ini kerana sifat bahasa dalam masyarakat adalah dinamik. Kaedah ini yang hanya mengulas/mengkritik sumber sekunder sedia ada dan disusuli dengan ulasan intuisi pengkaji wajar dihindari dalam penelitian linguistik kerana tidak berupaya menyumbang kepada input baru. Makalah ini bermula dengan memperkenalkan dua prinsip penyelidikan linguistik lapangan, iaitu Prinsip Empirikal dan Induktif. Di akhir perbincangan, dipaparkan dua contoh kajian lapangan penulis dan cabaran-cabaran penelitian lapangan.

PRINSIP EMPIRIKAL DAN INDUKTIF DALAM PENELITIAN

Menurut Bloomfield (1995), orang-orang zaman Yunani kuno tidak mengkaji bahasa selain bahasa mereka sendiri; mereka menganggap bahasa mereka telah mencakupi bentuk-bentuk universal pemikiran manusia atau tata tertib alam semesta. Mereka ada melakukan pengamatan-pengamatan gramatikal, tetapi membatasinya dengan menerangkannya dalam bentuk falsafah. Era linguistik moden bermula pada abad ke-18 dengan adanya usaha sarjana membahaskan linguistik dengan berorientasikan data dari lapangan. Sir William Jones (1746-1794) dalam satu pidato yang diucapkan pada tahun 1786 menemukan bahawa wujud pertalian antara bahasa Sanskreta di India dan Parsi Purba dengan bahasa Yunani dan Latin di Eropah. Hasil penemuan ulung beliau berlainan dengan kaedah penghuraian bahasa ahli-ahli falsafah zaman sebelumnya dan tidak bergantung sepenuhnya kepada bahan-bahan sekunder. Untuk mendapatkan data, William Jones di samping mengumpul data bahasa di lapangan, juga mempelajari bahasa tersebut. Menurut Davies (1998 dlm. Collins 2002), ilmu linguistik yang berorientasikan data menandakan titik permulaan tradisi baru dalam usaha mengkaji bahasa.

Penelitian yang dilakukan oleh Edmond Edmunt, seorang ahli fonetik (sebenarnya merupakan asisten kepada penyusun atlas bahasa Perancis, Jules Gilliéron) adalah antara contoh penelitian lapangan yang boleh dijadikan iktibar. Semasa mengumpul data, beliau berkayuh basikal ke lebih dari enam ratus tempat yang berbahasa Perancis, bertanya pada informan dengan satu senarai kata yang mengandungi dua ribu kata dan frasa. Data yang dikumpulkan diserahkan kepada Gilliéron untuk pemetaan bahasa. Kajian yang dilakukan oleh


Edmunt adalah kajian empirikal kerana mempunyai prosedur yang berdasarkan pengalaman (iaitu terlatih dengan aspek fonetik), menggunakan metodologi dan instrumen pengambilan data yang sistematik. Data akhir dipersembahkan (dalam bentuk peta persebaran dialek/bahasa Perancis) sehingga para sarjana dapat menilai dan mentafsirkan peta tersebut. Sesungguhnya, prinsip empirikal inilah yang meletakkan bidang linguistik sebagai ilmu mengkaji bahasa yang saintifik. Sesebuah kajian linguistik yang memenuhi prinsip induktif pula bermaksud data atau hasil kajian yang diperoleh mampu membentuk generalisasi yang berimpak lebih besar. Generalisasi tersebut kemudian perlu berupaya diuji lagi untuk memastikan kesahihannya lagi (Collins 2002).

Penulis sering mendengar keluhan atau komen pengkaji lain tentang hasil kajian yang dibuatnya “tidak betul” atau “tidak tepat”. Pada pendapat penulis, mereka harus yakin pada hasil kajian jika perlaksanaannya menepati prinsip empirikal. Begitu juga dengan pengkritik, kesahan sesuatu hasil kajian tidak wajar dinilai dengan persepsi tanpa berlandaskan prinsip empirikal. Dengan ringkas, tiada yang “betul” atau “salah” dalam sesebuah penelitian linguistik yang bersifat empirikal. Biarpun metodologi yang sama dipraktikkan, informan yang sama digunakan dan soalan yang sama ditanyakan, hasil jawapan yang diperoleh tetap berlainan dengan peniliti sebelumnya. Banyak faktor sinkronik yang menentukan kelainan tersebut, antaranya ialah seperti ruang masa, tahap pengetahuan informan telah berbeza dan sebagainya.

Perlaksanaan sesuatu kaedah penyelidikan bergantung rapat dengan model, konsep, teori dan hipotesis yang ditetapkan dalam kajian. Tanpanya, sesebuah kajian akan hilang landasan dan tidak bererti. Sesebuah model menyediakan kerangka yang menyeluruh tentang bagaimana kita melihat realiti dan unsur-unsur yang terkandung dalam realiti. Konsep pula adalah idea yang jelas dinyatakan dan lahir daripada model tertentu. Teori pula mengatur dan menggunakan konsep untuk mendefinisikan dan menjelaskan sesuatu fenomena. Model, konsep dan teori memandu kita melihat sesuatu fenomena mengikut cara tertentu. Hipotesis pula biasanya diuji dalam penyelidikan dan ia dihasilkan pada tahap awal penyelidikan berdasarkan maklumat yang dikumpulkan (Othman Lebar 2014).

CONTOH KAJIAN LAPANGAN DAN CABARAN-CABARANNYA

Lazimnya kebanyakan buku rujukan tentang metodologi penelitian sains sosial, hanya mengemukakan panduan tentang kaedah penelitian secara “teoretikal” sahaja. Panduan-panduan ini memang berguna untuk sesuatu pra-penelitian lapangan. Jarang ada tulisan yang mengisahkan cabaran-cabaran dan panduan ketika melaksanakan kajian lapangan. Sebelum ke lapangan, para peneliti, terutamanya yang kali pertama turun ke lapangan biasanya tidak dilengkapi dengan latar belakang konsep situasi sebenar sebelum ke lapangan. Bahagian ini menghuraikan lapan cabaran penelitian sosiolinguistik yang pernah penulis lakukan di Sekadau (Kalimantan Barat, Indonesia) dan Niah, Sarawak; lihat Chong (2012) dan Chong (2016). Untuk perbincangan yang lebih meluas, pengalaman penelitian di tempat lain di Kalimantan Barat (2000 – 2008) juga disentuh.



Lokasi Kajian: Sekadau dan Niah

KAJIAN DI SEKADAU

Kajian ini dilakukan untuk tujuan penulisan disertasi Ph.D (2002-2004). Sekadau terletak kira-kira 300 km dari ibu kota Provinsi Kalimantan Barat, iaitu Pontianak. Di pekan ini, dihuni sekelompok penutur Sinotibet yang berbahasa Hakka (majoriti) dan Hoklo (minoriti). Golongan ini dikelilingi oleh 13 suku etnik peribumi (Melayu dan Dayak) yang berbeza bahasa dan dialek. Jika berdasarkan bahasa, kesemua suku etnik ini adalah anggota subcabang Melayo-Polinesia, iaitu Melayik (Melayu, Benawas, Taman, Jawan, Menterap dan lain-lain), Ibanik (Ketungau Sesat) dan Bidayuhik (Koman, Mentuka', Semeraway); lihat Chong & Collins (2008). Atas dasar diversiti bahasa yang kompleks dan tinggi, penulis memilih pekan Sekadau sebagai tempat meneliti pemilihan bahasa oleh suku Cina, yang sebagai suku minoriti di Sekadau.

KAJIAN DI NIAH, SARAWAK

Kajian ini bertujuan mengkaji fenomena “masuk Melayu” dalam kalangan suku Penan setelah memeluk agama Islam di bawah projek FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/8. Suku Penan pada awalnya adalah suku nomadik di pedalaman Sarawak. Pada awal abad ke 19, mereka mula berpindah ke kawasan pesisir pantai. Suku Penan Muslim setelah memeluk Islam, telah meninggalkan bahasa ibunda dan memilih bahasa yang sepadan dengan identiti agama baru, iaitu bahasa Bintulu. Bahasa Bintulu dipilih dan bukannya bahasa lain kerana suku peribumi Bintulu adalah satu-satunya suku yang beragama Islam di lembah Kemena. Kajian ini bertujuan mengkaji fenomena perubahan dan pemilihan bahasa baru, aspek budaya dan sebagainya oleh suku Penan Muslim. Oleh kerana tuntutan objektif yang berbeza, berikut dipaparkan persamaan dan perbezaan kedua-dua kajian sosiolinguistik ini:

	Kajian di Sekadau	Kajian di Niah
Tujuan	- Sebagai bahan penulisan disertasi Ph.D	- Sebuah projek penelitian (karier)
Durasi	- Tempoh yang lama berada di lapangan - 1 kali tinjauan lokasi - 1 bulan pra-kajian lapangan - 3 bulan kajian intensif - Beberapa kali kunjungan semakan	- Mengunjungi lapangan secara berkala. - Jangka waktu di lapangan tidak konsisten.
Fokus	- Mengumpul data sosiolinguistik, etnografik dan bahasa.	- Mengumpul data sosiolinguistik, etnografik dan bahasa
Metodologi	- <u>Observasi partisipan</u> , soal selidik - Data dikumpulkan oleh penulis. - Asisten lapangan hanya membantu transkripsi.	- Observasi, temu bual, soal selidik (oleh penulis) - Tugas kajian yang mendalam bergantung kepada GRA - Juga banyak bergantung kepada asisten lapangan.
Implikasi	- Berupaya menghuraikan fenomena dengan lebih mendalam.	- Maklumat sangat terhad. Hanya berdasarkan laporan dari informan dan observasi asisten. - Maklumat terperinci bergantung kepada kemahiran GRA.

Berdasarkan jadual di atas, di bawah tuntutan-tuntutan tertentu, dua projek kajian ini menghasilkan implikasi yang berbeza dan ternyata kajian di Sekadau lebih mendalam berdasarkan kajian di Niah yang agak sederhana. Namun demikian, daripada segi pelaksanaan, kedua-dua kajian ini mematuhi prinsip empirikal dan induktif dalam penelitian bahasa. Dalam kes kajian di Sekadau, hasil kajian yang digeneralisasikan memberi impak kepada studi sinologi di Indonesia, terutama kosa ilmu komuniti Cina di pedalaman Kalimantan Barat. Kajian di Niah sebaliknya memperbaharui konsep “masuk Melayu” dalam konteks Sarawak.

Dalam erti kata lain, beragama Islam” di Sarawak tidak semestinya sejajar dengan “masuk Melayu” dan akan “berbahasa Melayu”. Di sebalik tabir membuah hasil-hasil kajian ini, sesungguhnya pelbagai cabaran dihadapi. Bahagian berikut merumuskan lapan cabaran yang dihadapi penulis di lapangan.

Memilih Lokasi Kajian

Semasa memulakan kajian, lebih-lebih lagi semasa kita mencari ilham untuk topik kajian, minda kita secara serentak akan memikirkan tentang lokasi kajian. Lokasi yang wujud di minda kita sering kali adalah lokasi yang kita ada konteks asas tentangnya (atau mengetahui serba sedikit latar belakangnya). Konteks dan pengetahuan asasi ini biasanya kita

peroleh melalui pembacaan dan pengalaman sendiri. Bagaimana pula dengan lokasi kajian yang kita tiada konteks dan maklumat mengenainya? Ketika penulis memilih pekan Sekadau sebagai lokasi, penulis menghadapi masalah tersebut kerana tulisan tentang Kalimantan Barat amat kurang, apatah lagi kajian tentang masyarakat Cina Sekadau di pedalaman Borneo. Untuk menangani masalah ini, penulis membuat satu kunjungan awal ke pekan Sekadau sebelum menulis proposal kajian (tahun 2001). Usaha ini sejajar dengan hujah Feagin (2002) iaitu “matlamat terakhir penelitian sosiolinguistik ialah menyelesaikan masalah linguistik, misalnya bagaimana perubahan sesuatu bahasa itu berlaku. Ianya ini tidak mungkin akan dicapai tanpa memasuki ke lapangan buat kali pertama untuk mengumpul data yang akan membekalkan jawapan asasi tertentu...peneliti di lapangan perlu bermula dengan memerhatikan keadaan fizikal tempat penelitian, siapa yang tinggal di situ, jalinan masyarakat dan dalam situasi apa masyarakat berhubungan”. Di Sekadau, penulis mengambil kesempatan ini mengenali keadaan masyarakat di lokasi dan sekitarnya, menemu bual dan membuat observasi ringkas tentang keadaan fizikal pekan Sekadau, populasi dan sebagainya. Hasil observasi ini selain dijadikan kemudian diterbitkan di *Majalah Dewan*; lihat Chong (2002).

Kejangkauan

Sesungguhnya, terdapat dua jenis lokasi yang boleh kita pilih sebagai kawasan kajian, iaitu sesuatu lokasi yang jauh dan yang dekat. Umpamanya, kajian tesis Sarjana penulis hanya di Pasar Kajang, iaitu kira-kira 10km sahaja dari UKM. Ini berbeza dengan kajian untuk pengajian Ph.D di Sekadau. Untuk mencapai pekan Sekadau, pengkaji perlu mengharungi satu perjalanan yang jauh, bermula daripada menaiki pengangkutan udara hingga bertukar ke pengangkutan darat yang memakan masa kira-kira 8 jam perjalanan. Untuk beberapa projek lain yang penulis ikuti, terdapat perjalanan yang harus bermalam di kampung sebelum melanjutkan perjalanan ke destinasi. Contohnya semasa penelitian di Sungai Laur, rombongan kami perlu menaiki kapal dari Pontianak ke laut sebelum memasuki ke alur sungai Laur. Setiba di Ketapang (pekan utama di Sungai Laur), kami dikehendaki bermalam sebelum melanjutkan perjalanan ke Sepotong yang terletak di tengah sungai Laur. Kesemua cabaran ini hanya dapat diatasi dengan kesabaran dan semangat yang cekal.

Bersuai-kenal

Untuk memasuki sesebuah kawasan kajian buat kali pertama, perkara yang dihadapi ialah bagaimana bersuai-kenal dengan masyarakat setempat. Faktor segan dan malu selalunya menjadi halangan utama. Pengkaji wajar mengambil inisiatif mengikis perasaan tersebut. Dalam kajian penulis di Niah, justeru kerana ia sebuah projek yang melibatkan penduduk kampung, langkah pertama yang diambil ialah melapor diri tujuan kedatangan kita kepada ketua kampung. Semasa bersuai kenal dengan ketua kampung, penulis mengambil kesempatan bertanya beliau mengenai hal-hal kampung, soalan yang berkaitan dengan kajian dan sebagainya. Penulis juga mengambil kesempatan meminta beliau memperkenalkan orang-orang yang bertanggungjawab pada hal ehwal tertentu, misalnya ketua budaya, Siak, wakil masyarakat dan sebagainya. Pada kelazimannya, informasi daripada golongan ini hanya digunakan sebagai rujukan sahaja kerana berdasarkan pengalaman penulis, golongan yang berstatus dalam masyarakat cenderung melakukan hiperkoreksi apabila berdepan dengan orang luar. Informan yang menjadi sumber data kita hendaklah terdiri daripada penduduk "biasa"; lihat (6) untuk keterangan lanjut.

Untuk kajian di pekan Sekadau, oleh kerana kaedah partisipan observasi, maka penulis perlu bergaul erat dengan komuniti Cina, malah tinggal bersama keluarga mereka untuk tujuan memahami dengan mendalam budaya, penggunaan bahasa dan aspek sosial yang lain. Dalam hal ini, pembinaan jaringan dengan masyarakat setempat amatlah penting. Untuk memasukkan diri ke dalam masyarakat Sekadau, penulis pada mulanya mengambil langkah bergaul dengan orang muda di tempat mereka berkumpul. Tempat tersebut telah dikunjungi kerap kali oleh penulis sehingga kami saling mengenali dan akhirnya berhubung akrab. Bertitik tolak daripada kelompok pemuda tersebut, penulis meluaskan jaringan ke keluarga mereka. Jaringan tersebut makin meluas hinggalah ke saudara mara dan sahabat handai mereka. Berkat daripada pertolongan pemuda-pemuda tersebut, penulis diberi kesempatan menumpang di rumah salah rumah mereka di Sekadau.

Penerimaan Masyarakat

Penerimaan masyarakat terhadap seseorang pengkaji amat penting untuk memastikan kelangsungan penelitian. Tanpa sokongan dan kerjasama daripada masyarakat, sesebuah kajian akan terbantut. Dengan itu, pengkaji perlu menjaga ketertiban perilaku, menghormati budaya setempat dan menerima fasiliti yang seadanya di lapangan. Memang pada mulanya orang kampung akan berasa was-was tentang kehadiran kita. Namun asalkan niat kita berdepan dengan mereka adalah baik dan jujur, lama-kelamaan kita akan diterima sebagai salah satu anggota kampung. Pengkaji perlu menyesuaikan diri pada persekitaran yang dia berada. Elakkan daripada berpakaian dengan formal dan bergaya, apatah lagi mengunjungi lokasi kajian dengan kereta mewah. Kesemua ini akan mewujudkan jurang di antara pengkaji dengan masyarakat kampung.

Pemilihan Asisten Lapangan

Ketika di lapangan, pemilihan asisten lapangan amat penting untuk kelancaran kajian kita. Asisten mampu membantu kita mengemaskinikan data, memberi input baru, menjadi pakar rujuk kita dan sebagainya. Berdasarkan pengalaman penulis, semasa memilih asisten, perlu mencakupi syarat seperti (1) bersifat jujur (2) rajin (3) memahami bahasa setempat (4) usia dan latar belakang yang berpatutan. Dalam hal ini, usia dan latar belakang

amat penting untuk menentukan tahap efisien penelitian. Jika kita memilih asisten dewasa, mereka biasanya tidak dapat membantu kita sepenuhnya kerana dibebankan dengan tugas. Semasa penulis menjalankan kajian lapangan, pelajar sekolah menengah atau orang muda biasanya dipilih kerana golongan ini berpendidikan, mempunyai perasaan ingin tahu dan bebas daripada tugas kehidupan. Asisten lapangan perlu dikenal pasti pada kali pertama atau kedua ketika kita berada di lapangan. Pada waktu ini, kita boleh mula memerhatikan tingkah laku pemuda-pemudi di sekeliling kita. Jika terdapat pemuda yang arif, aktif dan tertarik pada penelitian kita, beliau boleh dipertimbangkan sebagai asisten.

Hiperkoreksi

Di sesebuah lokasi kajian, penduduknya terdiri daripada berbagai status sosial yang berbeza. Contohnya, guru, ketua agama, ketua adat, pegawai kerajaan, pengusaha, dan penduduk biasa sebagainya. Dalam kalangan penduduk biasa, terdapat pula tahap pendidikan yang berbeza. Faktor status sosial berupaya mempengaruhi hasil kajian kita. Golongan yang dianggap “elit” dalam masyarakat seringkali cenderung melakukan hiperkoreksi ketika di wawancarai. Walaupun maksud informan untuk membuat hiperkoreksi adalah baik, iaitu bertujuan menyampaikan sejelas mungkin maklumat kepada orang luar (pengkaji), namun tindakan tersebut akan menyebabkan perubahan yang berlebihan kepada data sehingga mengganggu keasliannya. Berdasarkan pengalaman penulis khususnya semasa mengumpul sampel kosa kata, informan yang berpendidikan (di Sekadau ataupun di tempat lain di Kalimantan), ketika di wawancarai, lebih cenderung mengubah sebutan /y/ menjadi [r] (contohnya [caɣa] → [cara]). Fenomena ini berlaku mungkin kerana dipengaruhi dari bahasa Indonesia atau inisiatif informan sendiri untuk mencipta sebutan yang “dianggap baku” untuk peneliti luar, lebih-lebih lagi peneliti yang berasal dari universiti. Sehubungan dengan itu, untuk mendapatkan data yang lebih asli, disarankan peneliti-peneliti memilih informan yang berstatus sosial lebih rendah.

Selain faktor status sosial, instrumen juga mempengaruhi kerelevanan data yang kita kumpulkan. Maksud instrumen kajian di sini ialah seperti alat merakam audio, video, komputer riba dan sebagainya. Dengan kehadiran peralatan yang

canggih dan kompleks, akan mengakibatkan penutur memformalkan sebutan mereka, bahkan mengalih perhatian mereka. Pengkaji disarankan membawa peralatan yang sederhana dan tidak terlalu kompleks agar informan tidak hilang fokus.

Kemelut Etika

Dalam melaksanakan sesebuah kajian, kita juga perlu mengambil kira aspek etika. Umpamanya pengamalan rakaman pertuturan tak sedar dalam kajian sosiolinguistik; lihat Wong (1987). Meskipun perakaman tak sedar amat penting untuk mengumpulkan pertuturan yang tabii. Namun oleh kerana penutur cenderung membuat hiperkoreksi bila menyedari tentang kehadiran alat merakam (mungkin perbualan akan terhenti juga). Dalam hal ini, pengkaji menghadapi dilema antara nilai etika dengan mendapatkan data yang tabii. Jika mengamalkan rakaman tak sedar, daripada segi etika, ia adalah tindakan yang tidak amanah. Sebaliknya, jika mementingkan nilai etika, hasil kajian akan menjadi sebaliknya. Langkah yang wajar diambil ialah memaklumkan kepada informan di akhir kajian tentang pertuturan mereka telah dirakam. Pada pengalaman penulis, informan biasanya tidak membantah kita daripada menggunakan data tersebut kerana kita telah menjalin hubungan yang mesra dan akrab dengan informan setelah satu tempoh bersama mereka.

Gangguan-gangguan

Ketika di lapangan, kita juga akan berdepan dengan banyak halangan yang tidak diduga, di antaranya ialah seperti kemalangan, kecurian, tidak mendapat sambutan, faktor pemakanan, cuaca dan sebagainya. Sebagai seorang peneliti, kita perlu bersabar, sentiasa berhati-hati dan meminta bantuan daripada pihak berkuasa tempatan jika berlaku sesuatu masalah. Elakkan daripada berkonflik secara langsung dengan penduduk setempat kerana ini bakal membawa kesan negatif kepada banyak aspek seperti: reputasi universiti, keselamatan diri, membantutkan penelitian dan sebagainya. Untuk kes yang ringan, pengkaji disarankan berhadapan dengan dada yang lapang dan penuh kemaafan demi kejayaan sesebuah projek.

KESIMPULAN

Ilmu bidang linguistik sukar berkembang dengan kaedah yang intuitif dan awang-awangan. Sebuah kajian linguistik yang bermutu bukan kerana topik yang dipilih tidak pernah diteliti sebelum ini, datanya tersembunyi jauh di pedalaman ataupun tiada ralat dalam hasil penulisannya. Kepiawaiannya diukur berdasarkan pematuhan pada prinsip empirikal dan induktif dalam penelitian. Melalui paduan kedua-dua prinsip ini dengan teori dan metodologi yang bersesuaian, sebuah karya linguistik yang saintifik berupaya dihasilkan meskipun prosesnya tidak melibatkan makmal sains. Sudah tentu, sepanjang proses pengumpulan data, pelbagai halangan dan cabaran akan dihadapi. Sebagai panduan, dirungkaikan di makalah ini lapan cabaran untuk panduan para peneliti.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. 1984. *Linguistik am untuk guru Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Prof. Madya Dr. Chong Shin
 Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600, Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 chongshin@ukm.edu.my

Diserahkan: 16 Oktober 2017

Diterima: 12 Januari 2018

- Bloomfield, L. 1995. *Language*. Terj. I. Sutikno. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Chong Shin. 2002. Sociolinguistik masyarakat minoriti di Sekadau. *Dewan Bahasa* 2(6): 51-57.
- Chong Shin 2008. *Bahasa Bidayuhik di Borneo Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin 2012. *Masyarakat multilingual dan pemilihan bahasa: Tionghoa minoritas di kota Sekadau, Pulau Borneo*. Jakarta: Penerbit ATMAJAYA.
- Chong Shin & Mohd. Syukri Yeoh bin Abdullah. 2016. Agama sebagai Penentu Pemilihan Bahasa Ibunda dan Identiti Penan Muslim di Sarawak (Malaysia Timur). Makalah yang dibentangkan di *Kongres Internasional Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI)*, Anjuran Udayana Universitas dan Masyarakat Linguistik Indonesia (MLI). 117-111.
- Collins, J.T. 2002. Kaedah Penyelidikan Bahasa. Kertas kerja yang dibentangkan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Feagin, Crawford. 2002. Entering the Community: Fieldwork. Dalam Chambers, J.K., Trudgill, P. & SchillingEstes, N. *The Handbook of Language Variation and Change*. Oxford: Blackwell Publisher Ltd.
- Othman Lebar. 2014. *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Wong Khok Seng. 1987. *Persilihan bahasa di Kampung Kerinci*. Bangi: Penerbit UKM.

